

# PIARON EVT (Paracetamol 500 mg Effervescent Tablets)

Paracetamol (500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Piaron EVT Tablet
2. Bagaimana Piaron EVT Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Piaron EVT Tablet
4. Cara menggunakan Piaron EVT Tablet
5. Semasa menggunakan Piaron EVT Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Piaron EVT Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Piaron EVT Tablet

Paracetamol ialah sejenis analgesik dan antipiretik.

a. Rawatan bagi kesakitan ringan hingga sederhana termasuk: Sakit kepala, Migrain, Sakit otot, Dismenorea, Sakit tekak, Sakit muskuloskeletal, Demam dan sakit selepas vaksinasi, Sakit selepas prosedur pergigian / cabutan gigi, Sakit gigi, Sakit akibat osteoarthritis.

b. Melegakan demam

## Bagaimana Piaron EVT Tablet berfungsi

Paracetamol ialah sejenis analgesik antipiretik. Paracetamol mungkin mempunyai cara kerja yang sama dengan aspirin, iaitu menghalang penghasilan prostaglandin. Bagaimanapun, penghalangan ini berlaku secara selektif.

## Sebelum menggunakan Piaron EVT AMARAN

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL. Jangan mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama

- Bila tidak boleh menggunakan  
Jangan ambil ubat ini jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap paracetamol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).

### - Sebelum menggunakannya

**Kehamilan**  
Sebilangan besar data mengenai wanita hamil menunjukkan bahawa tiada kesan kecacatan atau ketoksikan pada janin/neonatal. Kajian epidemiologi mengenai perkembangan neuro pada kanak-kanak yang terdedah kepada paracetamol semasa dalam kandungan menunjukkan keputusan yang tidak konklusif. Jika diperlukan secara klinikal, paracetamol boleh digunakan semasa kehamilan, namun ia perlu diambil pada dos berkesan paling rendah, untuk tempoh masa yang sesingkat mungkin, dan dengan kekerapan yang paling minimum.

### Penyusuan

Paracetamol boleh terembes ke dalam susu ibu. Walau bagaimanapun, paras paracetamol yang terdapat di dalam susu tersebut dianggap tidak membahayakan. Data sedia ada tidak menghalang penyusuan susu ibu.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Semak dengan doktor anda sebelum digunakan jika anda mengambil warfarin atau ubat-ubatan yang serupa yang digunakan untuk mencairkan darah.  
Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat dan produk ini boleh mengganggu satu sama lain. Penyediaan ini mengandungi paracetamol. Jangan mengambil sebarang ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

## Cara menggunakan Piaron EVT Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

- Jangan melebihi dos yang disyorkan
- Gunakan dos paling rendah yang berkesan dan tempoh rawatan paling singkat
- Hanya untuk pengambilan secara oral (minum)
- Pastikan anda tidak mengambilnya lebih kerap daripada setiap 4 jam
- Dos maksimum harian: 400 mg paracetamol (8 tablet)

**Dewasa (termasuk warga emas) dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:** 1 hingga 2 tablet (500 mg hingga 1000 mg paracetamol), larutkan dalam sekurang-kurangnya setengah gelas air, setiap 4 hingga 6 jam mengikut keperluan.

**Kanak-kanak umur 9 hingga 11 tahun:** Ambil 1 tablet (500 mg paracetamol), larutkan dalam setengah gelas air. Pastikan anak anda tidak mengambil lebih dari 4 dos dalam tempoh 24 jam. Jika sakit berterusan lebih dari 3 hari, sila berjumpa doktor. Dos maksimum harian berdasarkan berat badan ialah 60 mg/kg paracetamol dalam tempoh 24 jam, diambil dalam dos berpecah.

**Kanak-kanak bawah 9 tahun:** Tidak digalakkan untuk kanak-kanak bawah umur 9 tahun.

**Kerosakan buah pinggang:** Pesakit dengan masalah buah pinggang mesti mendapatkan nasihat doktor sebelum mengambil ubat ini. Sekatan penggunaan produk paracetamol bagi pesakit buah pinggang adalah disebabkan kandungan paracetamol dalam ubat.

**Kerosakan hati:** Pesakit dengan masalah hati mesti mendapatkan nasihat doktor sebelum mengambil ubat ini. Sekatan penggunaan produk paracetamol bagi pesakit hati juga disebabkan kandungan paracetamol dalam ubat.

- Bila perlu digunakan  
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Berapa lama perlu digunakan  
Gunakan Piaron EVT Tablet ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Jika anda terlupa menggunakan  
Rujuk doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal
- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)  
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Sodium bikarbonat  
Dos tinggi sodium bikarbonat boleh menyebabkan simptom gastrousus seperti sendawa dan loya. Selain itu, dos tinggi sodium bikarbonat boleh menyebabkan hipernatremia; elektrolit perlu dipantau dan pesakit perlu dirawat sewajarnya.

**Semasa menggunakan Piaron EVT Tablet**

- Perkara yang perlu dilakukan  
Gunakan ubat anda tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Piaron EVT Tablet.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Jangan hentikan penggunaan ubat ini melainkan atas nasihat doktor anda.

Jangan gunakan sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda  
Jangan berikan Piaron EVT Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
**Amaran alahan:** Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Simptom mungkin termasuk kemerahan pada kulit, lepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Jika reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Reaksi alergi pada kulit seperti ruam, bengkak (angioedema), serta penyakit kulit serius seperti Sindrom Stevens-Johnson/ Toxic Epidermal Necrolysis pernah dilaporkan.

**Kesan-kesan sampingan**  
Seperti semua ubat, Piaron EVT Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Kunjungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan buruk daripada data ujian klinikal sebelum ini jarang berlaku dan hanya melibatkan sebilangan kecil pesakit. Oleh itu, kesan buruk yang dilaporkan daripada penggunaan produk selepas dipasarkan pada dos yang disyorkan dan dipercayai berkaitan telah disenaraikan mengikut sistem organ dan kekerapan.

Maklumat di bawah menyenaraikan kesan buruk yang dilaporkan, dengan susunan kekerapan berikut:

Sangat kerap ( $\geq 1/10$ ); kerap ( $\geq 1/100$  hingga  $<1/10$ ); tidak kerap ( $\geq 1/1,000$  hingga  $<1/100$ ); jarang ( $\geq 1/10,000$  hingga  $<1/1,000$ ); sangat jarang ( $<1/10,000$ ); tidak diketahui (tidak dapat dianggarkan daripada data yang ada).

Kekerapan kesan buruk ini dianggarkan daripada laporan yang diterima selepas produk dipasarkan.

Body System	Undesirable effect	Frequency
Gangguan sistem darah dan limfa	Thrombocytopenia	Sangat jarang
Immune system disorders	Anaphylaxis, Reaksi hipersensitiviti kulit, antaranya, ruam kulit, angioedema serta Sindrom Stevens-Johnson dan Toxic Epidermal Necrolysis	Sangat jarang
Gangguan sistem pernafasan, toraks dan mediastinum	Bronkospasme pada pesakit	Sangat jarang
Gangguan hati (hepatobiliar)	Masalah fungsi hati	Sangat jarang

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adverse ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan Piaron EVT Tablet**

- Penyimpanan  
Simpan pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

**Tablet effervescent**

Tablet putih, rata dan bersisi serong, kosong pada kedua-dua belah permukaan.

Larutan yang sedikit keruh akan kelihatan selepas tablet dilarutkan di dalam air

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap tablet effervescent mengandungi:  
Paracetamol BP 500 mg

- Bahan tidak aktif

Citric acid (anhydrous Powder Grade), Sorbitol powder, Dimethicone, Aspartame, Povidone, Sodium bicarbonate, Anhydrous sodium carbonate

- Nombor MAL

MAL\*\*\*\*\*

**Pengilang**

Kusum Healthcare Pvt Ltd.  
Plot No. M-3, Indore Special Economic Zone, Phase-II, Pithampur, Distt. Dhar, Madhya Pradesh, Pin 454774, India

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.  
Lot 5979, Jalan Teratai,  
5 1/2 Mile Off Jalan Meru,  
41050 Klang, Selangor, Malaysia

**Tarikh kemas kini RiMUP**

12/09/2025

**Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/133